

Hotel dalam kampus

18/8/2015 UNISZA

MUNGKIN masih ramai yang belum menyedari di dalam kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor, terletak sebuah hotel bertaraf tiga bintang yang dikenali sebagai Hotel Puri Pujangga.

Pada mulanya, hotel ini dibangunkan sebagai wadiah bagi para sarjana berkongsi ilmu, namun seiring dengan peredaran masa, operasi Hotel Puri Pujangga menjadi lebih komersial dan arah tuju serta pembangunannya menjurus sepenuhnya berteraskan pengurusan hospitaliti.

Di kelilingi dengan panorama kehijauan dan persekitaran yang kondusif dan strategik kerana berhampiran dengan Putrajaya dan KLIA serta Cyberjaya, hotel ini menawarkan kemudahan lima buah bilik seminar dan sebuah dewan dengan dilengkapi pelbagai kemudahan.

Menurut Pengurus Besar Hotel Puri Pujangga, **Suhaila Abd. Rasid**, selain pakej mesyuarat penganjuran majlis untuk acara persendirian seperti majlis makan malam, mailis makan



RUANG bilik di Hotel Puri Pujangga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

tengah hari, mesyuarat tahunan, majlis akikah, hi-tea an jamuan makan malam tahunan, sering diadakan di hotel berkenaan.

“Malah, yang semakin mendapat sambutan kini adalah pakej majlis perkahwinan yang ditawarkan dengan harga bermula RM35 seorang, serta penginapan di hotel ini yang mempunyai 40 buah bilik yang

dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan selesa. Bilik-bilik berkenaan terdiri daripada bilik standard, bilik *deluxe*, dan *Malaysian Suite*,” katanya.

Kepada mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sambutan Hari Ibu dan Hotel Puri Pujangga boleh menghubungi talian 03-8922 2891 atau layari laman web, www.puripujangga.com.my.